

NOOR HAFIZA CHE ABDULLAH, SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

Keon cipta kejutan!

SEBELUM ini, tiada siapa mengenalnya. Tiada siapa pun yang mahu mengambil tahu perkembangannya dalam sukan permotoran.

Namun kejayaan anak jati Kampung Gajah, Perak ini muncul juara Moto3 Grand Prix Argentina di litar Termas de Rio Hondo, di Santiago del Estero, Argentina kelmarin telah berjaya menarik minat orang ramai untuk mengenali siapakah gerangan anak muda berkenaan.

Apatah lagi apabila dia turut mencatat rekod sebagai pelumba pertama negara yang menaiki podium, bukan untuk tempat kedua atau ketiga, tetapi untuk dinobatkan selaku juara pada salah satu siri kejuaraan motosikal dunia.

Itulah Khairul Idham Pawi, 17, anak muda yang telah mencipta fenomena tersendiri khususnya dalam arena sukan permotoran negara.

Justeru timbul persoalan, bagaimana dalam usia muda itu, Khairul Idham atau lebih mesra dipanggil Keon oleh ahli keluarganya mampu bergiat aktif hingga muncul juara?

Menurut bapanya, Pawi Omar 52, ketika berusia sekitar 12 tahun, Keon sudah mula menunjukkan minat terhadap sukan permotoran.

Malah katanya, Keon juga



Pawi bersama motosikal kegemarannya.

ada menyuarakan hasrat untuk menceburi sukan permotoran secara serius, walaupun masih bersekolah.

"Masa itu saya tanya dia, adakah dia benar-benar mahu terlibat dengan sukan ini. Belanjanya besar. Lagi pun sukan ini bahaya.

"Namun, apabila melihat Keon beria-ia mahu melibatkan diri, akhirnya saya dan isteri bersetuju," katanya.

Tambah Pawi, dia juga telah membelikan sebuah motosikal jenama Honda Wave sebagai hadiah kepada Keon sebagai kemudahannya berlatih.

Malah menurut Pawi, mo-

tosikal itu juga dihantar untuk kerja-kerja pengubahsuaian bagi menepati ciri-ciri latihan yang diikuti oleh Keon.

"Pada usia 13 tahun, Keon mula jalani latihan di Litar Lumba Dato Sagor dekat sini. Keon juga pernah cedera ketika menjalani latihan di sini apabila pergelangan kakinya tercedera.

"Bagaimanapun, kecederaan itu tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan minat dalam sukan permotoran dan pada 2012 saya daftarkan dia pada Program Pembangunan Sukan Permotoran Honda di Universiti Utara Malaysia

(UUM), Sintok, Kedah.

"Tidak lama selepas itu, Keon berjaya muncul juara Honda Wave Junior Challenge Petronas Cub Prix.

"Kemudian pada 2013, Keon sertai pula pertandingan dalam kategori, Wira bersama pasukan Fauzi Yang Honda Racing. Pada tahun yang sama juga Keon telah menyertai Asia Road Racing (ARR) bagi merebut Asia Dream Cup.

"Keon muncul juara bagi kedua-duanya (Wira, ARR)," katanya.

Ketika ditanya bagaimana dengan persekolahan Keon, Pawi menjelaskan tidak ada masalah berhubung perkara berkenaan kerana surat telah diberikan kepada pihak sekolah selain disertakan dengan jadual latihan serta pertandingan yang perlu diikuti Keon.

Bagaimanapun di sebalik penglibatan aktif dalam sukan permotoran, Pawi tetap memberikan amaran keras agar anaknya itu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.

"Biar pun dia aktif dengan latihan dengan perlumbaan, sebagai bapa saya tetap memantau kegiatannya setiap hari. Saya tidak mahu dia terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat dan salah di sisi undang-undang," katanya.